

Pelabur Britain digesa tingka usaha sama dalam e-niaga

Daripada Azman Abdul Hamid

BH [6 OCT 2000

LONDON, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada ahli perniagaan Britain bahawa Malaysia sentiasa cuba mewujudkan suasana yang sesuai untuk mereka melabur dan meraih pulangan sewajarnya.

Serentak itu, Perdana Menteri menggesa pelabur Britain menggerakkan usaha sama dengan firma Malaysia secara lebih meluas dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya e-niaga.

Britain adalah pelabur kesembilan terbesar dalam sektor perkilangan di Malaysia dengan nilai pelabu-

Antara contoh terbaik peluang pelaburan unik di Malaysia ialah projek 'perkampungan hiburan atau e-village' bernilai RM3 bilion

ran AS\$394 juta, meliputi 118 projek antara 1995 hingga Julai tahun ini.

"Mungkin anda bersetuju jika saya katakan keadaan ini tidak begitu memuaskan jika mengambil kira pembangunan rapat kedua-dua negara. Britain sepatutnya menduduki tiga tempat teratas sebagai pelabur terbesar di Malaysia.

"Perkembangan ICT khususnya Internet banyak mengubah gaya hidup kita, tetapi ia juga membawa perubahan dalam bentuk dan cara kita berniaga. Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) menawarkan peluang unik kepada syarikat Britain meningkatkan urusan niaga," kata Dr Mahathir.

Beliau menyampaikan

ucaptama dalam persidangan 'Usaha Sama Malaysia-Britain bagi Alaf ke-21' sempena mesyuarat ketiga Majlis Perniagaan Malaysia-Britain, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Perdagangan dan Industri Britain, Stephen Byers dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Dr Mahathir berkata, antara contoh terbaik peluang pelaburan unik di Malaysia ialah projek 'perkampungan hiburan atau e-village' bernilai RM3 bilion.

"Saya gembira kerana

beberapa firma Britain seperti British Telecom (BT), Druid, Midge dan Reuters, memegang fungsi besar dalam MSC.

"Saya nampak ada jalan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan syarikat Malaysia dan Cambridge serta Silicone Glen dan Fen di Scotland," katanya.

Perdana Menteri juga percaya dasar liberal Malaysia dari segi pemilikan ekuiti akan terus menarik minat pelabur asing.

Umumnya, Malaysia membenarkan pelabur asing dalam sektor perkilangannya memegang 100 peratus ekuiti jika 80

peratus keluaran satu projek adalah dieksport.

"Lebih menarik lagi ialah dasar kami membenarkan pelabur asing memegang 100 peratus ekuiti tidak kira berapa banyak yang mereka eksport bagi setiap permohonan projek yang diterima sebelum akhir tahun ini," katanya.

Antara syarikat Britain yang mempunyai pelaburan besar di Malaysia ialah BT dengan pelaburan bernilai -275 juta (RM1.5 bilion); BP - 130 juta (RM728 juta); National Power -80 juta (RM448 juta) dan Blue Circle -40 juta (RM224 juta).

Syarikat lain ialah

Unilever, Royal Dutch Shell, Rolls Royce dan Cold Storage.

Dr Mahathir, Britain adalah rakan dagang yang penting bagi Malaysia. Pelaburan Proton dalam kejuruteraan kenderaan dengan membeli Lotus adalah antara contoh terbaik peluang pelaburan di Britain untuk pelabur Malaysia, khususnya dalam bidang yang memerlukan kemahiran teknikal.

"Malahan, pelaburan kami membeli Lotus membolehkan Proton memperbaiki pemanduan dan penjagaan kenderaannya," katanya.